

NO. SOALAN : 193

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN :

YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan statistik penuh bagi kos promosi bagi kegiatan pemasaran bagi mendorong "Pelancongan Inbound" mengikut bekalan bajet bagi setiap negeri di Malaysia bagi 2016 dan 2017.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Tourism Malaysia adalah mempromosikan *inbound* pelancongan ke Malaysia secara keseluruhan. Oleh itu, bajet tidak diperuntukkan dan dibahagikan mengikut negeri. Contohnya satu kempen promosi taktikal biasanya akan mempromosikan pakej pelancongan ke beberapa negeri seperti Pulau Pinang-Langkawi; Kuala Lumpur-Genting Highland; Perak-Pulau Pinang dan lain-lain.

Untuk makluman, bajet pemasaran yang diperuntukkan kepada Tourism Malaysia adalah sebanyak RM192.89 juta pada tahun 2016 dan RM138 juta pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

SOALAN : 194

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan butiran lengkap mengenai jumlah cukai/caj lapangan terbang yang diperolehi mengikut setiap Syarikat Penerbangan Kos Rendah sejak LCCT Sepang dan KLIA2 digunakan.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Jumlah cukai/caj lapangan terbang atau *Passenger Service Charge* (PSC) yang diperolehi mengikut setiap Syarikat Penerbangan Kos Rendah sejak Terminal Pengangkutan Tambang Murah (LCCT) Sepang dan KLIA2 digunakan adalah seperti berikut:

1. LCCT (2006 sehingga April 2014) :

BIL	SYARIKAT PENERBANGAN	JUMLAH (RM '000)
1	AirAsia X	120,699
2	AirAsia Berhad	586,011
3	AirAsia Phillipines	1,021
4	Airasia Zest	1,721
5	Cebu Pacific Air	20,565
6	Indonesia AirAsia	80,198
7	Philippine Airlines Express	262
8	PT Mandala Airlines	3,722
9	Sanbumi Air Transport	81
10	Thai AirAsia Company	61,809
11	Tiger Airways Singapore	26,729
	JUMLAH	902,818

2. KLIA2 (Mei 2014 sehingga September 2016) :

BIL	SYARIKAT PENERBANGAN	JUMLAH (RM '000)
1	AirAsia X	75,947
2	AirAsia Berhad	337,639
3	AirAsia Zest	4,219
4	Cebu Pacific Air	5,043
5	Indonesia AirAsia	35,189
6	Jetstar Asia Airways	7,185
7	Lion Air	9,439
8	Malindo Airways	30,721
9	Mega Maldives Airlines	183
10	Indonesia AirAsia Extra	4,800
11	Rayani Air	149
12	Thai AirAsia	11,362
13	Tiger Airways Singapore	11,118
	JUMLAH	532,994